

Kad Kredit Visa GSC Hong Leong Bank: Kempen Penggemar Wayang

Tempoh Kempen

“Kempen Penggemar Wayang” (“**Kempen**”) Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (“**HLB**”) bermula pada jam 00:01, 1 Ogos 2020 dan tamat pada jam 23:59, 31 Oktober 2020, (“**Tempoh Kempen**”) kecuali dimaklumkan sebaliknya.

Terma & Syarat

Berikut adalah terma dan syarat yang berkuatkuasa ke atas Kempen (“**T&S**”):-

Kelayakan

1. Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan Bank sedia ada dan baharu yang memenuhi kriteria di bawah (“Pelanggan Layak”):
 - (a) Telah menerima jemputan untuk menyertai Kempen ini melalui iklan yang terdapat di aplikasi mudah alih dan/atau laman sesawang Golden Screen Cinemas (“**GSC**”) dan/atau iklan *electronic direct mailer* (“**EDM**”); dan
 - (b) Berjaya melengkapkan dan menghantar permohonan mereka untuk Kad Kredit Visa GSC Hong Leong Bank (“**Kad Layak**”) di laman sesawang Kempen di www.hlb.com.my/gschangai (“**Laman Sesawang Kempen**”).
2. Pelanggan berikut adalah tidak layak menyertai Kempen ini:
 - (a) Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan, perbuatan atau kesalahan di sisi undang-undang yang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh HLB dan/atau Hong Leong Islamic Bank Berhad;
 - (b) Pelanggan yang dikenalpasti oleh pihak HLB sebagai berpotensi melakukan sebarang kesalahan yang tertakluk di sini;
 - (c) Pemegang prinsipal atau tambahan Kad Layak;
 - (d) Pemegang kad sedia ada sebarang kad kredit HLB dimana akaun Kad Kredit HLB mereka adalah tertunggak; dan
 - (e) Pelanggan yang telah memohon untuk Kad Layak sebelum Tempoh Kempen.

Mekanik Kempen

3. Pelanggan Layak dua ribu lima ratus (2,500) yang pertama yang telah memenuhi kriteria di Klausula 1 di atas akan layak menerima satu (1) unit fon telinga tanpa wayar (“**Hadiah**”), tertakluk kepada terma dan syarat di sini.
4. HLB tidak mempunyai tanggungjawab untuk memaklumkan Pelanggan Layak sekiranya Hadiah yang diperuntukkan telah mencapai peruntukan maksima yang tertera di atas.
5. Pelanggan Layak akan dimaklumkan oleh pihak HLB dengan cara menerbitkan senarai Pelanggan Layak (nama pemegang kad kredit Prinsipal dan/atau Tambahan dan nombor kad kredit yang bertopeng) di Laman Sesawang Kempen sebelum/pada 31 Disember 2020 (“**Tarikh Makluman**”).
6. Hadiah akan dihantar oleh GD Express Sdn Bhd (juga dikenali sebagai **GDEX**, pembekal perkhidmatan kurier yang dilantik HLB) ke alamat Pelanggan Layak berdasarkan maklumat terkini yang terdapat di rekod HLB pada/sebelum 31 Januari 2021 (“**Tarikh Penghantaran**”). Ia adalah kewajipan Pelanggan Layak untuk membekalkan nombor telefon, alamat surat menyurat yang

terkini, sah dan betul kepada HLB dan HLB tidak akan bertanggungjawab sekiranya Pelanggan Layak tidak menerima Hadiah untuk apa jua sebab.

7. Sekiranya Pelanggan Layak tidak menerima Hadiah sebelum/pada Tarikh Penghantaran, Pelanggan Layak harus memaklumkan HLB secara bertulis sebelum/pada 18 Februari 2021. Jika gagal berbuat demikian, Pelanggan Layak akan dianggap sebagai telah menerima Hadiah.
8. Pihak Bank tidak mewakili atau memberi jaminan terhadap kualiti dan kesesuaian Hadiah kepada Pelanggan Layak dan tidak akan bertanggungjawab menggantikan Hadiah sekiranya hilang, dicuri atau Hadiah yang rosak (sama ada kerosakan tersebut berpunca dari hasil kualiti dari kilang pengeluar yang masih dibawah jaminan atau sebaliknya). Pelanggan Layak harus, atas kos dan perbelanjaan sendiri, mengurus dengan with Sosu Asia (Company No: 002878175-K) untuk sebarang rungutan, pertikaian atau tuntutan berhubung dengan Hadiah tanpa melibatkan Bank.

Umum

9. Dengan menyertai kempen in, Pelanggan Layak dengan ini:
 - (a) bersetuju bahawa telah membaca, memahami dan bersetuju untuk diikat oleh T&S yang tertakluk di sini dan Terma dan Syarat Umum Perjanjian Pemegang Kad yang terdapat di www.hlb.com.my;
 - (b) bersetuju bahawa keputusan HLB dalam semua perkara berkaitan Kempen adalah muktamad, akhir dan mengikat kepada semua Pelanggan Layak;
 - (c) bersetuju bahawa Hadiah adalah tidak boleh dipindah milik kepada sebarang pihak ketiga dan tidak boleh ditukar untuk wang atau sebarang bentuk lain; dan
 - (d) bersetuju untuk melawat Laman Sesawang HLB pada selang masa yang kerap untuk membaca T&S Kempen ini dan untuk mengikut sebarang perubahan atau perbezaan kepada T&S.
10. HLB berhak untuk:
 - (a) membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan Layak daripada menyertai Kempen ini untuk sebarang sebab jua HLB berpendapat musnabah. Secara khusus, HLB layak untuk membatalkan kelayakan Pelanggan Layak yang telah menghantar beberapa permohonan di Laman Sesawang Kempen untuk mendapat lebih daripada satu (1) Hadiah;
 - (b) menambah, memadam, menggantung atau meminda T&S yang terdapat di sini, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, atau untuk menamatkan Kempen ini dengan memberi notis awal kepada Pelanggan Layak menggunakan cara memaparkannya di Laman Sesawang HLB, atau menggunakan sebarang kaedah lain yang dianggap sesuai oleh Bank; dan
 - (c) menggantikan Hadiah dengan hadiah alternatif yang bersamaan nilai dengan memberi notis terdahulu.
11. Akaun Pelanggan Layak mesti sah/aktif, dalam keadaan baik dan tidak melanggar sebarang T&S Kempen dan/atau Terma dan Syarat Umum Perjanjian Pemegang Kad HLB pada masa penganjuran Pulangan Tunai.

12. T&S yang terkandung di sini dikawalselia oleh dan ditafsirkan berdasarkan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
13. Tambahan kepada terma yang tertakluk di atas, Pelanggan Layak setuju untuk membaca Terma dan Syarat Umum Perjanjian Pemegang Kad HLB bersama dengan T&S di sini sebagai perjanjian menyeluruh. Sekiranya terdapat percanggahan di antara T&S di sini berbanding, T&S muktamad di sini akan diguna pakai.
14. Sekiranya terdapat percanggahan di antara T&S di sini berbanding sebarang bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan sebarang bahan lain yang berkaitan dengan atau mengenai Kempen ini, T&S muktamad di Laman Sesawang HLB akan diguna pakai.